

Geran RM30 juta bela golongan susah Johor

Ulm - 7/12/2020 m/d: 3

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

ISKANDAR PUTERI: Golongan susah di negeri ini terus dibela apabila kerajaan pusat mengumumkan pemberian geran RM30 juta bagi membantu golongan tersebut.

Perkara itu diumumkan Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad dalam ucapan penggulungan perbahasan Belanjawan Johor 2021 pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di sini semalam.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersetuju memberikan geran tersebut ekoran Covid-19 menjejaskan mereka.

Selain itu, Hasni berkata, kerajaan negeri turut memutuskan menyalurkan peruntukan tambahan RM50,000 secara *one-off* kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor.

Beliau sebelum ini mengumumkan kenaikan peruntukan RM150,000 daripada RM50,000 kepada ADUN pembangkang kerana mahu memberi keabsahan kepada mereka selain menjayakan urusan berkeabajikan di kawasan masing-masing.

Berhubung cadangan pemotongan elaun ADUN untuk



MUHYIDDIN Yassin melancarkan Pelan Pembangunan Mampam Johor di Dewan Undangan Negeri Johor di Kota Iskandar, Johor Bahru semalam. - UTUSAN/JUANI

Tabung Bencana Negeri Johor, Hasni berpendapat, semua pihak harus realistik dan memikirkan kesan jangka panjang apabila sesuatu keputusan dibuat.

“Saya hargai cadangan namun, sumbangan untuk Tabung Bencana Negeri Johor hendaklah tidak bermotifkan menarik simpati rakyat atau retorik semata-mata,” katanya.

Dalam pada itu, Hasni memaklumkan sehingga kini jumlah kutipan tabung tersebut sebanyak RM32.3 juta.

Terdahulu, Muhyiddin melancarkan Pelan Pembangunan Mampam Johor (PPMJ) 2030 yang menjadi dokumen rujukan induk bagi tujuan perancangan dan pembangunan Johor untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Perdana Menteri melancarkan pelan itu di Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar.

PPMJ 2030 adalah misi pembangunan ekonomi dan kele-

starian alam sekitar yang akan dipacu berlandaskan lapan teras utama iaitu pemerkesaan ekonomi, memperkasa pelaburan dan ekonomi digital serta penyediaan jaringan sistem pengangkutan mega.

Kelestarian alam sekitar, tadbir urus cekap, berintegriti dan dinamik, kesejahteraan sosial, memperkasa sistem pendidikan Islam, pembangunan modal insan dan warisan budaya dan pesona wanita dan aspirasi idealis anak muda.